



LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Aras 3, Menara Zakat, Jalan Telok Wanjah, 05200, Alor Setar, Kedah | Tel: 1800-88-1740 | Faks: 04-731 6280
Portal Rasmi : www.zakatkedah.com.my | e-mel : aduan@zakatkedah.com

SYARAT-SYARAT DERMASISWA MELANJUTKAN PENGAJIAN KE JORDAN

Syarat-syarat penerima (pelajar)

- ❖ Islam
- ❖ Menetap di Kedah sekurang-kurangnya 2 tahun
- ❖ Pemohon tidak mendapat sebarang bentuk tajaan kewangan / biasiswa .
- ❖ Sedang mengikuti pengajian di peringkat IJAZAH PERTAMA SAHAJA. Bantuan tidak akan dipertimbangkan kepada pemohon yang mengulang pengajian.
- ❖ Bukan ahli bersekutu.
- ❖ Butiran peribadi yang lengkap diisi beserta salinan dokumen yang berikut

a) Salinan kad pengenalan pemohon (pelajar)

b) Salinan kad pengenalan bapa

c) Salinan kad pengenalan ibu

d) Surat pengakuan dari universiti Sesi 2018 / 2019 (Tasdiq)

e) Keputusan peperiksaan yang terkini (Sesi 2017 / 2018)

- ❖ Semua dokumen di atas **WAJIB DISERTAKAN**
- ❖ Butiran diri dan dokumen yang lengkap perlu dihantar ke Majlis Persatuan Pelajar dan perlu disahkan oleh Majlis Persatuan Pelajar tersebut.
- ❖ **Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan permohonan.**
- ❖ Dermasiswa Pengajian Ke Jordan akan dibuka mulai **4 Mac 2019 hingga 31 Mac 2019**

PANDUAN MENGISI BORANG DERMASISWA MELANJUTKAN PENGAJIAN KE JORDAN

Panduan Mengisi Borang

1. Pemohon perlu ke laman sesawang Lembaga Zakat Negeri Kedah di www.zakatkedah.com.my kemudian klik pada menu Agihan, klik pada menu Borang dan kemudian klik pada Dermasiswa Melanjutkan Pengajian ke Mesir / Indonesia / Jordan untuk mengisi borang permohonan secara atas talian.
2. Klik pada **PERMOHONAN BARU**
3. Pilih **JENIS BANTUAN** iaitu Dermasiswa Melanjutkan Pelajaran Ke **JORDAN**.

4. Baca syarat-syarat permohonan dengan teliti. Pemohon **WAJIB** menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan.
5. Isi dengan lengkap **BUTIRAN DIRI** merangkumi
 - **Maklumat Pelajar**
 - **Maklumat Bapa dan Ibu**
 - **Maklumat Tanggungan Bapa dan Ibu**
 - **Maklumat Pengajian Pemohon**
 - **Maklumat Tambahan**
6. Isi **KATA LALUAN**. (Kata laluan dan pengesahan kata laluan mestilah sama dan pemohon diingatkan tidak lupa kata laluan yang dimasukkan)
7. Klik **SEMAK**. (Untuk menyemak borang yang telah diisi)
8. Jika ada pembetulan pada butiran peribadi, klik **KEMASKINI**. Jika tidak ada, klik pada **SAH DAN HANTAR**. (Pemohon diingatkan supaya menyemak dengan teliti maklumat butiran diri sebelum menekan butang Sah dan Hantar)
9. Kemudian setelah selesai klik pada **CETAK BORANG**.
10. Dermasiswa Pengajian Ke Jordan akan dibuka selama 2 bulan bermula **4 Mac 2019 hingga 31 Mac 2019**.
11. Borang dan dokumen yang lengkap perlu dihantar ke Majlis Persatuan Pelajar dan perlu disahkan oleh Majlis Persatuan Pelajar tersebut.
12. Majlis Persatuan Pelajar akan menyemak semua borang permohonan.
13. Pemohon akan memuat naik semula borang permohonan yang lengkap dengan pengesahan kedalam sistem.